

Bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan anak muda, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS) telah menganjurkan acara Merdu 2019. Diadakan buat kali ketiga tahun ini, acara tersebut cuba mencapai tujuan itu melalui wadah muzik. Melalui bengkel yang dikendalikan beberapa tokoh mapan dalam industri tersebut, golongan belia mempelajari tentang penulisan lagu dan cara membuat persembahan, antara lainnya. Wartawan NUR FATHIN AWALLUDIN ([nfathin@sph.com.sg](mailto:nfathin@sph.com.sg)) melaporkan.

# Merdu alunan muzik galak belia guna bahasa Melayu

MENGGUNAKAN wadah kreatif bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan anak muda.

Itulah yang diharapkan pengajar Merdu, sebuah program tahunan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS) yang dimulakan sejak 2017.

Diadakan buat kali ketiga tahun ini, nam-paknya matlamat tersebut berjaya dicapai, malah melebihi jangkaan pihak pengajar.

Ditemui di Universiti Nasional Singapura (NUS), penyelaras projek Merdu 2019, Cik Yuli Ardini Affandi, 23 tahun, berkata berbeza daripada tahun-tahun lepas, kali ini cabaran menganjurkan acara tersebut bukanlah bagi mendapatkan peserta bahkan menge-hadkan jumlah peserta disebabkan begitu ramai yang mohon penyertaan.

"Tahun-tahun lepas memang kami mempunyai cabaran mendapatkan peserta, jadi kami jangka akan ada cabaran di situ tapi kami dapat lebih daripada apa yang dijangka-kan.

"Sukar juga nak beritahu peserta, kita dah sampai hadnya jadi kita perlu tolak

(yang selebihnya)," ujar mahasiswa NUS tahun keempat dalam jurusan Psikologi itu.

Malah, tarikh pendaftaran juga terpaksa ditutup awal kerana terlalu ramai yang ingin mendaftar.

Merdu merupakan acara yang menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia melalui wadah yang lebih kreatif iaitu muzik.

Melalui Merdu juga, anak-anak muda dat-pat berinteraksi dan mempelajari tentang muzik daripada tokoh dalam industri muzik Melayu.

Ini dilakukan menerusi bengkel yang di-jalankan tokoh terkenal seperti Imran Ajmain dan Sofia Arissa.

Peserta, yang berusia antara 18 tahun dengan 30 tahun, belajar menghasilkan mu-zik dan menulis lirik melalui bengkel itu. Mereka juga diberi peluang merakamkan lagu ciptaan sendiri di bawah bimbingan pe-nerbit Leo Productions.

Ditanya bagaimana bahasa Melayu dite-rapkan melalui sesi-sesi bengkel itu, timbalan penyelaras projek, Encik Muhammad Aqasyah Nor Shaidi, 23 tahun, menjelaskan:



**PIKAT ANAK MUDA MELALUI MUZIK:** Anggota jawatankuasa pengajar acara Merdu 2019 termasuk penyelaras projek, Cik Yuli Ardini Affandi (tengah, duduk bersila), timbalan penyelaras projek, Encik Muhd Aqasyah Nor Shaidi (berdiri kiri), dan penasihat, Cik Wirda Hanee Anwar (memegang gitar elektrik), mahu menggunakan wadah kreatif seperti muzik bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia. — Foto-foto MERDU 2019

"Bahasa lirik sendiri berbeza daripada bahasa percakapan harian, dalam bahasa tersebut ada lebih unsur seni. Melalui seni penulisan, peserta dapat belajar mengenai bahasa."

Lebih daripada itu, peserta juga menimba ilmu baru berkaitan budaya dan sejarah bahasa Melayu seperti terdapat pengaruh Sepanyol dalam bahasa itu sendiri, dan ba-hasa serta lagu Melayu berasal dari seawal

abad ke-16, tambah Encik Aqasyah, mahasiswa NUS tahun pertama dalam jurusan Hartanah.

Pada masa yang sama, melalui bengkel yang dianjurkan, peserta juga diajar panduan amali jika mereka ingin mencicipi bidang muzik.

Ini termasuk cara memasarkan diri di media sosial, penggunaan *hashtag*, cara ber-interaksi dengan penonton dan sebagainya.

Acara kemuncak Merdu 2019 merupakan konsert yang diadakan pada 1 Mac lalu di Studio Annex Esplanade.

Konsert tersebut yang dihadiri sekitar 280 penonton menampilkan semua peserta Merdu 2019 yang mempersembahkan lagu ciptaan mereka — yang merangkumi pelbagai genre termasuk pop, dangdut, akapela dan rok, antara lainnya — dan turut dijaya-kan penyanyi Imran Ajmain, Sufi Rashid, Sofia Arissa dan Aziz Harun.

## Nyanyian Merdu memperkasa, melontar motivasi

**KEJAR IMPIAN DALAM INDUSTRI:** The Vybes yang terdiri daripada (dari kiri) Encik Yusuff Asyraff, Encik Muhd Afiq Mohd Khairani, Cik Maisarah Dhaniyah Noorsham Affandi, Cik Aimee Nur Sabrina Suhaimi, Cik Nadia Asyikin Abdul Malik dan Encik Muhd Noor Haqim Tahir, mahu mengembangkan lagi sayap mereka dalam persada muzik akapela. The Vybes merupakan salah satu kumpulan yang menyertai Merdu 2019.



*INGATLAH pesanan mama  
Jangan lengang-lengok mugejar impian;  
Kalau kau berputus asa,  
Ingat ini semua demu masa depan.*

Dinyanyikan di Esplanade, lagu berjudul *Singa* itu merupakan hasil karya sekumpulan anak muda yang sebenarni tidak pernah mempunyai pengalaman menulis lagu dalam bahasa Melayu.

Menggelar diri mereka The Vybes, kumpulan yang terdiri daripada Cik Maisarah Dhaniyah Noorsham Affandi, 22 tahun; Encik Muhammad Afiq Mohamed Khairani, 24 tahun; Encik Muhammad Noor Haqim Tahir, 23 tahun; Cik Aimee Nur Sabrina Suhaimi, 23 tahun; Encik Yusuff Asyraff, 22 tahun; dan Cik Nadia Asyikin Abdul Malik, 21 tahun, itu merupakan antara peserta Merdu 2019.

Dianjurkan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS), Merdu merupakan acara tahunan yang bertujuan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia melalui wadah muzik.

Berkongsi kisah mereka, beberapa ahli kumpulan The Vybes yang ditemui di Universiti Nasional Singapura (NUS) berkata mereka bertemu pada 2017 melalui Kegiatan Ko-Kurikular (CCA) Republic Rhapsody. CCA tersebut merupakan kumpulan akapela Politeknik Republik (RP).

Setelah sesetengah mereka menamatkan pendidikan di RP, enam anak muda itu menubuhkan kumpulan akapela sendiri iaitu The Vybes pada 2018.

"Sebagai satu kumpulan, kami tak pernah nyanyi lagu Melayu, jadi apabila nak serta Merdu pun kami macam nak ke tak nak?"

"Tapi kita putuskan mengapa tidak, sebab jika kita nak ceburi industri ini, kita kena tahu masyarakat kita, kita kena tahu tulis dan cubah lagu sendiri. Itu sebabnya kita serta Merdu," kata Cik Maisarah.

Ternyata keputusan tersebut amat tepat.

Bukan sahaja mereka didehdahkan kepada penulisan lagu, kumpulan belia itu juga mempelajari tentang bahasa dan budaya Melayu selain mendapat bimbingan serta panduan yang dikongsikan artis mapan seperti Imran Ajmain.

Bagi The Vybes yang sering menyanyikan *covers*, pengalaman menulis, merakam dan mempersembahkan lagu *original* sendiri merupakan suatu yang mengayakan.

"Nak tulis lagu memang susah, ada formulanya. Bagi kita, cabarnya termasuk nak mendapatkan struktur lagu tersebut selain setuju pada lirik dan melodinya," ujar Encik Afiq.

Namun, mereka sekumpulan telah menerima banyak maklum balas positif daripada orang ramai yang mendengar lagu tentang mengatasi kesusahan hasil karya mereka itu.

Tema tersebut dipilih kerana "kita tak nak yang biasa-biasa tulis pasal cinta... kita nak sesuatu yang memperkasa dan memberi motivasi kepada orang".

Meskipun masih muda, anggota The Vybes sudah menaruh impian tinggi.

Ogos nanti, kumpulan itu mahu mengambil bahagian dalam pertandingan akapela antarabangsa "Vocal Asia Festival" di Jepun.

Tidak mudah bagi sesiapa mematahkan semangat keenam-enam anak muda itu melakukan demikian. Maka pantaslah lirik lagu mereka berbunyi:

*Ayah pernah berkata-kata  
Cakap orang kau peduli apa,  
Yang penting kau berterus saja  
Periuk nasi diisi bukan dari mereka.*



**MUSIM BERDANGDUT:** (Dari kiri) Encik Muhd Rabbani Raemee, Cik Nur Faezah Ahmad, Encik Ahmad Sufyan Amran dan Cik Nur Ermilia Jamalludin (*tidak dalam gambar*) mahu mengetengahkan pelbagai aspek genre dangdut kepada penonton. Mereka yang menubuhkan kumpulan Musim melihat peluang menyertai Merdu 2019 sebagai satu pendekaran berharga.

"Saya rasa ada banyak bakat di luar sana cuma mereka kurang pendedahan," jelas pelajar tahun ketiga Politeknik Ngee Ann dalam jurusan Elektronik Aeroangkasa itu.

Musim bukan sahaja dapat merakamkan sebuah lagu

asli ciptaan mereka dengan penerbit Leo Productions, mereka juga mempersembahkan lagu itu semasa konsert yang diadakan pada 1 Mac lalu di Studio Annex Esplanade.

Konsert itu merupakan acara kemuncak Merdu 2019.

DAHULU, beliau malu memberitahu orang lain tentang genre muzik pilihannya sebagai penyanyi.

Namun, setelah diberi rangsangan oleh pengajar acara Merdu 2019, Cik Nur Faiezah Ahmad, 30 tahun, berbesar hati dapat menjadi bak "wakil dangdut" di wadah yang menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia itu.

Dengan semangat baru itu, beliau dan kumpulannya, Musim, mahu menunjukkan "sisi dangdut yang laing".

Musim terdiri daripada empat anak muda — Cik Faiezah, Encik Muhd Rabbani Raemee, 21 tahun; Cik Nur Ermilia Jamalludin, 24 tahun; dan Encik Ahmad Sufyan Amran, 23 tahun.

"Saya terharu mereka (jawatankuasa pengajar Merdu 2019) menggalakkan saya teruskan dengan genre ini."

"Kami mahu tunjukkan kepada orang ramai sisi dangdut yang lain, bukan macam dangdut Pak Maun yang biasa kita kenali," ujar Cik Faiezah, eksekutif pentadbiran dalam industri perbankan.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata dangdut komersial banyak didengar kini seperti yang dinyanyikan Mas Idayu dan Amelina, tetapi jarang yang mendengar dangdut lebih perlana rentaknya bak balada yang lambat seperti yang dinyanyikan Rhoma Irama.

Selain berpeluang mengetengahkan genre muzik sebe-gitu, penyertaan kumpulan Musim dalam Merdu 2019 juga menyediakan platform kepada mereka bekerjasama dengan anak muda lain.

Pemain Cajon serta vokalis kumpulan tersebut, Encik Rabbani, berkata melalui kerjasama inilah wujud proses kreatif yang menghasilkan idea-idea baru.

"Pada saya, Merdu juga merupakan peluang bagi remaja di sini mendakap bahasa Melayu termasuk dari segi menulis lagu."